

# PENGUASAAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

(*THE MASTERY OF SOCIAL ENTREPRENEURIAL SKILLS AMONG PUBLIC  
UNIVERSITY STUDENTS IN MALAYSIA*)

Radin Siti Aishah Radin A Rahman  
radin@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie  
zalp@educ.upm.my

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor

Norasmah Othman  
lin@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Halimah Harun  
imah@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

---

## Abstrak

*Keusahawanan sosial menjadi alternatif kepada penciptaan peluang pekerjaan baru terutama kepada pelajar sebagai persediaan sebelum bergraduan. Rentetan itu, wujud jurang antara keberkesanan aktiviti keusahawanan sosial sedia ada dengan keinginan pelajar menjadi usahawan sosial, yang menjadikan kajian sejauh mana penguasaan kemahiran keusahawanan sosial relevan dijalankan. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam. Manakala objektif kajian ini adalah untuk a) meninjau tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam; b) mengenal pasti perbezaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam yang berlainan jantina; dan c) mengenal pasti perbezaan kemahiran keusahawanan sosial pelajar universiti awam berdasarkan pengalaman. Tinjauan ini melibatkan seramai 352 pelajar universiti awam yang bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial menggunakan teknik persampelan berstrata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam adalah sederhana. Sementara itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menguasai kemahiran keusahawanan sosial antara pelajar lelaki dan perempuan universiti awam. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran keusahawanan sosial berdasarkan pengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial. Manakala perbincangan dan implikasi kajian akan dibincangkan.*

**Kata kerja:** *Kemahiran keusahawanan sosial, jantina, pengalaman dan pelajar Universiti Awam.*

### **Abstract**

*Social entrepreneurship is an alternative to the creation of new jobs, especially to students as preparatory to graduate. Hence, there is a gap between the effectiveness of the existing social entrepreneurial activity and students' intention to become social entrepreneurs, which makes this study of the extent of the mastery of social entrepreneurial skills relevant. Therefore, the purpose of this study is to identify the mastery of social entrepreneurship skills among public university students. While the objectives of this study are to: a) review the level of mastering of entrepreneurship skills among public university students; b) identify the differences in social entrepreneurship skills among different public university students by gender; and c) identify differences in public university social entrepreneurship skills of public university students based on experience. A total of 352 public university students were engaged in this social entrepreneurial activities survey using stratified sampling techniques. The findings show that the level of mastering of social entrepreneurship skills among public university students is moderate. Meanwhile, there is no significant difference in mastering social entrepreneurship skills between male and female public university students. In addition, there is a significant difference in the level of social entrepreneurship skills based on the experience of engaging in social entrepreneurial activities. While the discussions and implications of the study will be discussed further.*

**Keywords:** *social entrepreneurial skills, gender, experience and student in public universities.*

2017 GBSE Journal

---

## **Pengenalan**

Aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia wujud secara tidak formal bermula dengan gerakan koperasi dan Projek Amanah Ikhtiar (1986) yang kini sebagai Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Rentetan itu, kronologi keusahawanan sosial semakin berkembang dan menjadi agenda kerajaan dalam memastikan sosio-ekonomi warganya terjamin melalui pendekatan inovatif. Pelbagai rancangan telah dilaksanakan bagi memastikan warga terpinggir ini tidak terus tercicir dalam arus pembangunan negara. Melalui peranan pendidikan, pelajar universiti bukan sahaja didedahkan dengan ilmu akademik semata-mata, malah mereka perlu menguasai kemahiran insaniah antaranya keusahawanan bagi mencungkil bakat sedia ada secara optimum.

Pendekatan keusahawanan sosial berupaya merealisasikan hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) Pengajian Tinggi bagi membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berminda keusahawanan. Menyedari kepentingan keusahawanan sosial bukan sahaja memberi manfaat kepada inovasi sosio-ekonomi masyarakat terpinggir, malah menjadi sumber kekuatan pelajar apabila berhadapan dengan dunia pekerjaan kelak yang semakin mencabar. Pada peringkat awal pengajian, pelajar seharusnya telah didedahkan dengan pendekatan keusahawanan sosial melalui kegiatan kokurikulum bagi menjamin kesinambungan budaya apabila mereka bergraduat sebagai penjana pekerjaan dan tidak mengharapkan kerja 'makan gaji' sahaja.

Agenda keusahawanan sosial ini disambut baik apabila semakin ramai pelajar bergiat setiap tahun dalam aktiviti kokurikulum dengan menyertai kelab-kelab seperti SEED dan ENACTUS.

Selain itu, inisiatif beberapa buah universiti antaranya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menawarkan kursus keusahawanan sosial kepada para pelajarnya di peringkat sarjana muda. Hasilnya, penerimaan pelajar bukan sahaja menerima agenda keusahawanan perniagaan dalam aktiviti pendedahan dan pembudayaan, malah dilanjutkan kepada manfaat anggota masyarakat terpinggir. Oleh itu, pendidikan menjadi 'medium' bagi melahirkan lebih ramai usahawan sosial pada masa hadapan.

### **Permasalahan Kajian**

Umumnya, Malaysia masih di peringkat permulaan dalam membangunkan sektor keusahawanan sosial (General Entrepreneurship Monitor, 2011). Kini, pelaksanaan keusahawanan sosial di Malaysia telah mendapat sambutan yang baik apabila berlaku peningkatan dalam aktiviti tahunan agensi kerajaan dan bilangan badan bukan-kerajaan (NGO) setiap tahun. Namun, masih wujud jurang kemahiran antara keberkesanan aktiviti keusahawanan sosial sedia ada dengan keinginan pelajar menjadi usahawan sosial. Seterusnya, menjadikan kajian sejauh mana penguasaan kemahiran keusahawanan sosial relevan dijalankan. Usaha ini memerlukan kerja keras pihak pentadbir universiti untuk menjadikan keusahawanan sosial sebagai budaya.

Bertitik tolak dari isu yang berbangkit, maka kajian ini relevan dijalankan bagi meninjau sejauh mana penguasaan kemahiran keusahawanan sosial sedia ada pelajar di peringkat UA yang menjadi batasan kajian. Pemilihan ini mengambil kira kepentingan peranan pelajar UA kepada sektor keusahawanan sosial. Kemahiran keusahawanan sosial difahami sebagai kemahiran yang diperlukan oleh individu usahawan sosial dari aspek perniagaan dan prososial (kemahiran menolong). Manakala gabungan ini menghasilkan kemahiran kepimpinan, kreativiti dan hubungan personal (Ernst, 2011).

- a) Kemahiran kepimpinan dikenal pasti melalui elemen penyelesaian masalah, melaksana rancangan kepada tindakan dan memimpin sesebuah kumpulan. Kemahiran ini mempunyai kesan positif ke atas tingkah laku kawalan tertanggap dalam teori tingkah laku terancang, Ajzen (1991). Di mana, semakin tinggi tanggapan kemahiran kepimpinan, maka semakin tinggi tingkah laku kawalan tertanggap. Individu yang memiliki kemahiran kepimpinan pastinya menemui keusahawanan sosial adalah tidak menarik.
- b) Kemahiran kreativiti menekankan elemen seperti mengenal pasti peluang, mereka secara kreatif dan membangunkan produk baru. Berdasarkan teori oleh Ajzen (1991), individu yang menguasai kemahiran di tahap tinggi mempunyai tahap tingkah laku kawalan tertanggap yang tinggi. Namun, individu yang menguasai kemahiran ini tidak semestinya mendorong minat menjadikan keusahawanan sosial sebagai kerjaya pilihan.
- c) Kemahiran hubungan personal merangkumi keperluan individu untuk menguasai kemahiran jaringan, kepercayaan yang kukuh dan mendengar pandangan individu lain. Sekaligus, kemahiran ini dapat meningkatkan kemahiran sosial dan menggambarkan minat semasa berinteraksi dengan individu lain. Lazimnya, usahawan sosial dipelopori oleh individu yang berorientasi perniagaan, dijangkakan untuk mendapatkan laluan kerjaya yang lebih menarik. Hal ini mempunyai kaitan dengan sikap terhadap tingkah laku dalam teori tingkah laku terancang Ajzen (1991) seperti yang telah dibuktikan oleh Ernst (2011).

Ketiga-ketiga elemen tersebut berkait antara satu sama lain bagi menjelaskan kemahiran keusahawanan sosial dalam kajian ini berdasarkan tanggapan pelajar UA.

### Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar UA. Manakala objektif kajian ini adalah untuk

- a) meninjau tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar UA.
- b) mengenal pasti perbezaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar UA yang berlainan jantina.
- c) mengenal pasti perbezaan kemahiran keusahawanan sosial pelajar UA berdasarkan pengalaman.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif ke atas 352 pelajar di UA yang sedang menjalankan kegiatan keusahawanan sosial. Pemilihan responden pula berdasarkan persampelan berstrata merangkumi kategori pelajar di universiti penyelidikan, berfokus dan komprehensif. Selain itu, pengumpulan data menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu a) maklumat demografi responden; dan b) 12 item mewakili kemahiran keusahawanan sosial yang diadaptasi daripada instrumen oleh Linan (2008) dan Hill (2009). Instrumen ini berbentuk skala Likert 5-point yang menggabungkan skala kemahiran keusahawanan (*entrepreneurial skills scale*) dan kemahiran menolong (*helping skills*). Konstruk ini telah diterima apabila memenuhi aspek keperluan kesahan dan nilai kebolehpercayaan (*cronbach alpha* >0.80).

Berdasarkan Jadual 1, responden kajian ini terdiri daripada 352 pelajar UA. Secara perinciannya, bilangan pelajar perempuan lebih tinggi seramai 54.3 peratus berbanding pelajar lelaki 45.7 peratus. Profil responden dilanjutkan dengan kebanyakan pelajar yang mempunyai pengalaman kurang setahun iaitu 49.7 peratus bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial. Diikuti dengan responden yang mempunyai pengalaman 1 hingga 2 tahun sebanyak 30.4 peratus dan 2 tahun dan ke atas sebanyak 19.9 peratus sahaja.

Butiran		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	161	45.7
	Perempuan	191	54.3
Pengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial	kurang 1 tahun	175	49.7
	1 hingga 2 tahun	107	30.4
	2 tahun dan ke atas	70	19.9
Jumlah		352	100

**Jadual 1 : Profil responden kajian**

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian daripada tiga objektif dan disusuli dengan perbincangan.

### Objektif Kajian 1

Berdasarkan Jadual 2, didapati penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar UA keseluruhannya adalah ditahap sederhana. Manakala, interpretasi skor min ini merujuk kepada Pallant (2010) dalam Jadual 3. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran-kemahiran yang perlu digilap antaranya menyelesaikan masalah golongan terpinggir; komunikasi; menjelaskan sesuatu perkara dengan baik kepada orang lain; memupuk kesedaran; melaksanakan rancangan; mengenal pasti peluang perniagaan; kreatif; inovatif; jaringan dan hubungan professional; kepercayaan terhadap kumpulan; dan kebolehan mendengar pandangan orang lain.

Konstruk	Bil	Min	Sisihan piawai
Kemahiran keusahawanan sosial	352	3.616	0.484

**Jadual 2 : Tahap kemahiran keusahawanan sosial**

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

**Jadual 3 : Interpretasi skor min**

Sumber: Pallant (2010)

Masih kurang penyelidikan lepas dijalankan bagi menyokong dapatan kajian ini. Dapatan ini mengukuhkan kajian Ernst (2011) yang mana kemahiran kreativiti pelajar berada pada tahap yang sederhana. Sebaliknya, kemahiran kepimpinan dan hubungan personal menunjukkan tahap yang tinggi. Selain itu, *Transformative Action Institute* (TAI) telah memperkenalkan kurikulum pengajaran keusahawanan sosial dan mengenal pasti 9 kompetensi untuk berjaya iaitu kepimpinan, optimisme, keazaman, daya tahan, kreativiti dan inovasi, empati, kecerdasan emosi dan sosial (Sherman, 2011). Selari dengan Thompson, Alvy dan Lees (2000), menyimpulkan bahawa pemupukan keusahawanan sosial perlu menumpukan kepada kemahiran kepimpinan, berkeyakinan dan berinovatif.

### Objektif Kajian 2

Jadual 4 menunjukkan nilai-t bagi perbandingan tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar UA lelaki dan perempuan ialah  $t=0.697$  dan tahap signifikan  $p=0.486$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ( $p>0.05$ ). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam menguasai kemahiran keusahawanan sosial antara pelajar lelaki dan perempuan. Skor min tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial pelajar lelaki (min=3.636,  $p>0.05$ ) lebih tinggi daripada pelajar perempuan (min=3.60,  $p>0.05$ ). Ini bermakna tahap penguasaan kemahiran keusahawanan sosial adalah sama.

Kajian ini bertentangan dengan dapatan Fatemeh dan Rasol (2016) yang mana terdapat perbezaan dari aspek kemahiran keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar sekolah tinggi di Iran. Di mana secara purata, pelajar perempuan lebih menguasai kemahiran ini berbanding pelajar lelaki. Ernst (2011) pula menyokong dan mendapati min pelajar perempuan lebih tinggi menjadi usahawan sosial berbanding min pelajar lelaki. Di mana, pelajar lelaki lebih kuat keinginannya menjadi usahawan perniagaan.

Jantina	Bil	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Lelaki	161	3.636	0.474	0.697	0.486
Perempuan	191	3.600	0.494		

**Jadual 4 : Tahap kemahiran keusahawanan sosial mengikut jantina**

### Objektif Kajian 3

Jadual 5 menunjukkan perbezaan skor min kemahiran keusahawanan sosial pelajar UA berdasarkan pengalaman. Pelajar yang mempunyai pengalaman 2 tahun dan ke atas lebih menguasai kemahiran keusahawanan sosial berbanding pengalaman 2 tahun dan ke bawah.

Pengalaman	Bil	Min	Sisihan piawai
kurang 1 tahun	175	3.529	0.472
1 tahun hingga 2 tahun	107	3.651	0.466
2 tahun dan ke atas	70	3.780	0.499
Jumlah	352	3.616	0.484

**Jadual 5. Pengalaman pelajar UA menyertai aktiviti keusahawanan sosial**

Berdasarkan Jadual 6 dan Jadual 7, didapati terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap kemahiran keusahawanan sosial berdasarkan pengalaman ( $F(2, 349) = 7.363; p < 0.05$ ). Pelajar yang berpengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial 2 dan ke atas ( $M = 3.780, S.P = 0.499$ ) dan 1 tahun hingga 2 tahun ( $M = 3.651, S.P = 0.466$ ) lebih tinggi berbanding pelajar yang berpengalaman kurang 1 tahun ( $M = 3.529, S.P = 0.472$ ). Walau bagaimanapun, skor min pelajar yang berpengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial kurang 1 tahun dan 1-2 tahun, 1-2 tahun dan 2 dan ke atas tidak berbeza secara signifikan. Walaupun keputusan ujian Anova satu hala tersebut adalah signifikan secara statistik, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan agak kecil. Manakala, kesan saiz yang dikira menggunakan Eta kuasa dua adalah 0.04 (4%) yang memberi kekuatan yang kecil berdasarkan interpretasi oleh Cohen (1988).

Pengalaman	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	3.332	2	1.666	7.363	0.001
Dalam kumpulan	78.973	349	0.226		
Jumlah	82.305	351			

**Jadual 6 : Ujian ANOVA persepsi pelajar UA berdasarkan pengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial terhadap kemahiran keusahawanan sosial**

Pengalaman	Perbezaan min	Ralat piawai	Signifikan
kurang 1 tahun 2 dan ke atas	-0.2507*	0.0673	0.001

**Jadual 7 : Keputusan Ujian Post-Hoc Tukey HSD mengenai persepsi pelajar UA berdasarkan pengalaman bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial terhadap kemahiran keusahawanan sosial**

Kajian ini diteguhkan oleh dapatan Hariyaty (2014) yang menunjukkan bahawa penglibatan pelajar yang kurang 1 tahun memiliki tahap keusahawanan sosial yang rendah berbanding 1 tahun dan ke atas. Walaupun kurang kajian yang dapat menyokong dapatan ini, namun pengalaman menjalankan perusahaan sosial terbukti memberikan laluan kerjaya alternatif kepada pelajar, membangunkan kemahiran perniagaan, dan sumber keyakinan untuk memulakan perniagaan sendiri. Selain itu, semakin meningkat pengalaman akan memberi manfaat kepada hubungan antara perniagaan perusahaan sosial, pelajar dan komuniti. UA dan institusi pengajian yang lain seharusnya lebih menekankan hasil pembelajaran kursus sahaja bagi memastikan pelajar lebih mempelajari kepentingan kemahiran keusahawanan sosial dan manfaatnya di masa depan kelak.

### Implikasi dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini menyumbang kepada penambahan fungsi teori tingkah laku terancang, Ajzen (1991) dalam konteks keusahawanan sosial menerusi kebolehgunaan latar belakang sikap terhadap tingkah laku dan kawalan tingkah laku tertanggap. Selain itu, pihak pengurusan UA perlu mencari alternatif bagi memberi pendedahan kepentingan keusahawanan sosial melalui aktiviti pelajar secara formal dan tidak formal seawal peringkat pengajian bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah mewujudkan penciptaan pekerjaan yang tinggi dalam kalangan graduan. Memandangkan dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan sosial yang sederhana, tiada perbezaan tahap berdasarkan jantina dan terdapat perbezaan penguasaan kemahiran berdasarkan pengalaman. Kerjasama dalam bentuk mentorship antara pelajar, pensyarah dan usahawan sosial serta pihak UA dapat meningkatkan lagi penguasaan kemahiran keusahawanan sosial dengan lebih baik disamping memenuhi keperluan masyarakat terpinggir di sekeliling.

## Rujukan

- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behaviour. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50: 179-211.
- Cohen, J. 1988. *Statistical power analysis for the behavioural sciences*. Edisi ke-2. Hillsdale, NJ: Lawrence Earlbaum Associates.
- Ernst, K. 2011. Heart over mind- an empirical analysis of social entrepreneurial intention formation on the basis of the theory of planned behaviour. Ph.D Dissertation: University of Wuppertal, Berlin.
- Fatemeh Atayi Zanjani Nejad & Rasol Davoudi. 2016. The Relationship between social skills & entrepreneurial skills among high school students in District 2 Zanjan, Iran. *International Journal of Scientific Management and Development* 4(3): 76-79. ISSN: 2345-3974.
- General Entrepreneurship Monitor. 2011. Global Entrepreneurship Monitor- report on social entrepreneurship: executive summary. Retrieved 3 Februari 2012. From file:///C:/Users/DELL/Downloads/1319474045GEM\_SE\_Report\_-\_Executive\_Summary.pdf.
- Hariyaty Ab Wahid. 2014. Keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hill, C. E. 2009. Helping skills: facilitating exploration, insight, and action (Edisi ke-3). Washington DC: *American Psychological Association*. ISBN: 1-4338-0451-4.
- Linan, F. 2008. Skill and value perceptions: how do they affect entrepreneurial intentions? *International Entrepreneurship and Management Journal*, 4(3): 257-272.
- Pallant, J. 2010. *SPSS Survival manual: a step by step guide to data analysis using SPSS* (Fourth edition). Berkshire, UK: McGraw Hill.
- Pelan Pembangunan Perusahaan Sosial Malaysia (2015-2018) dalam Malaysia Social Enterprise Blueprint (2015-2018). Unleashing the power of social entrepreneurship. Cyberjaya, MY: Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC). Social Entrepreneurship Unit.
- Sherman, S. 2011. Teaching the key skills of successful social entrepreneurs. Pautan: [https://ssir.org/articles/entry/teaching\\_the\\_key\\_skills\\_of\\_successful\\_social\\_entrepreneurs](https://ssir.org/articles/entry/teaching_the_key_skills_of_successful_social_entrepreneurs).
- Thompson, J., Alvy, G. & Lees, A. 2000. Social entrepreneurship – A new look at the people and the potential. *Management Decision*, 38(5): 328-338.